

Pekan Senaling bukan kampung 'janda'

KUALA PILAH: "Kok nak tau podeh eh lada, ditumbok-tumbok digiling-giling, kok nak tau ramai eh janda, Ulu Pilah Jalan Senaling" (Kalau nak tahu pedasnya lada, ditumbok-tumbok digiling-giling, kalau nak tahu ramainya janda, Ulu Pilah Jalan Senaling).

Itu pantun yang sering menjadi gurauan sehingga menimbulkan pandangan serong terhadap penduduk di pekan Senaling, dekat sini.

Akibat pantun tersebut, Senaling yang terletak tiga kilometer dari pekan Kuala Pilah, terkenal dengan jolokan 'janda' atau janda yang sering dikaitkan dengan wanita yang pernah berkahwin tetapi tidak mempunyai suami disebabkan kematian atau bercerai.

Felo Penyelidik Kanan, Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma), Universiti Kehangsaan Malaysia (UKM), Prof. Madya Datuk Dr. Mohd. Rosli Saludin berkata, timbul salah tanggapan pantun itu sehinggakan Senaling digelar sebagai kampung 'janda'.

"Sebenarnya bukan 'janda' yang dimaksudkan tetapi 'nek jondo' iaitu wanita tua yang mahir dari segi ilmu agama, adat, budaya dan tempat rujukan. Malah, 'nek jondo' juga hebat dari segi syarak dan antara wanita terpilih dalam kalangan masyarakat di situ.

"Nek jondo juga seorang wanita yang berilmu pengetahuan sehingga gelaraninya seperti Ibu Soko yang membolehkan dia memutuskan

pelbagai perkara berkaitan adat dan penuh dengan musyawarah dan muafakat," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Jelas Rosli lagi, pantun jolokan 'nek jondo' itu telah disalah tafsir sehingga gurauan tersebut menjadi pandangan serong dalam masyarakat.

"Sejarah kewujudan pekan Senaling bermula dengan Tok Ambik yang mempunyai tujuh adik-beradik iaitu beliau sendiri, Tok Ukur, Tok Sama, Tok Diah, Tok Naling, Tok Sikai dan Tok Paroi.

"Tok Naling adalah orang yang mula membuka Senaling bersama dengan Tok Ambik dan Kampung Ibol, Terachi yang memajukan pekan ini.

"Senaling ini asalnya nama buluh semoling dan Sungai Senaling. Kalau ikut kajian saya, sepanjang Sungai Senaling ada kesan penempatan dan di situ pekan Senaling asal.

"Senaling dikatakan bermula di sungai yang berhubung dengan Sungai Muar sehingga timbul jolokan 'janda' yang terletak di Ulu Pilah Jalan Senaling ini," katanya sambil menjelaskan persepsi 'janda' hanya fenomena alam.

Mohd. Rosli menambah, orang dahulu suka bergurau dan berlawan-lawan pantun sehingga menjadi gurauan dalam kalangan masyarakat.

"Kini, orang kurang faham dan menganggap gurauan 'janda' satu petanda tidak baik di pekan tersebut kerana tidak mengetahui sejarah lama di Kuala Pilah," katanya.



DR. Mohd. Rosli Saludin menunjukkan makam Tok Ambik yang terletak di Tanah Perkuburan Batang Pilah, Senaling, Kuala Pilah, Negeri Sembilan. - UTUSAN/ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI